


**BAHAGIAN A**  
**[ 40 markah ]**  
**Jawab semua soalan**

1. (a) Senaraikan dua peperangan yang berlaku di Madinah antara tahun 622 – 630 Masihi.  
( 1 ) .....  
( 2 ) .....  
( 2 markah )
- (b) Berikan dua garis panduan yang mesti dipatuhi oleh tentera Islam dalam peperangan.  
( 1 ) .....  
( 2 ) .....  
( 2 markah )
- (c) Nyatakan dua sebab Islam membenarkan umatnya berperang.  
( 1 ) .....  
( 2 ) .....  
( 2 markah )
- (d) Nyatakan dua bukti bahawa Islam berkembang bukan dengan cara peperangan.  
( 1 ) .....  
( 2 ) .....  
( 2 markah )
- (e) Pada pandangan anda, bagaimanakah cara untuk mengelakkan peperangan daripada berlaku ?  
( 1 ) .....  
( 2 ) .....  
( 2 markah )

2. Rajah berikut berkaitan penyebaran Islam ke Asia Tenggara.



(a) Apakah cara yang digunakan oleh pedagang untuk menyebarkan Islam ?

( 1 ) .....

( 2 ) .....

( 2 markah )

(b) Namakan kerajaan Islam yang terawal di Asia Tenggara.

( 1 ) .....

( 2 ) .....

( 2 markah )

(c) Berdasarkan pengetahuan anda, bagaimanakah pemerintah memainkan peranan dalam penyebaran Islam ?

( 1 ) .....

( 2 ) .....

( 2 markah )

(d) Nyatakan dua peranan pusat kebudayaan di Asia Tenggara dalam penyebaran Islam ?

( 1 ) .....

( 2 ) .....

( 2 markah )

(e) Pada pandangan anda, apakah usaha yang boleh dilaksanakan untuk menjadikan karya kesusasteraan sebagai alat untuk menyebarkan Islam ?

( 1 ) .....

( 2 ) .....

( 2 markah )

Penjajah	Tanah Jajahan
Spanyol	Y
X	Indonesia
Perancis	Indochina
British	Tanah Melayu, Burma

Rajah di atas menggambarkan kesan aktiviti imperialisme Barat di Asia Tenggara pada abad ke-19

(1) Nyatakan maksud imperialisme

.....  
 .....

( 2 markah )

(b) Namakan kuasa penjajah X dan tanah jajahan Y

( 1 ) .....  
 ( 2 ) .....

( 2 markah )

(c) Nyatakan dua sebab yang mendorong kuasa Barat berminat menjajah Asia Tenggara

( 1 ) .....  
 ( 2 ) .....

( 2 markah )

(d) Berikan dua kesan penjajahan Barat ke atas sistem pentadbiran tradisional

( 1 ) .....  
 ( 2 ) .....

( 2 markah )

(e) Pada pendapat anda, mengapakah kuasa Barat begitu mudah menjajah Asia


Tenggara ?

( 1 ) .....

( 2 ) .....

( 2 markah )

4.



Rajah di atas menunjukkan pihak yang terlibat dalam proses pilihan raya di Malaysia.

(a) Senaraikan dua syarat untuk menjadi calon pilihan raya di Malaysia

(1) .....

(2) .....

( 2 markah )

(b) Nyatakan peranan Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) di negara kita

(1) .....

(2) .....

( 2 markah )

(c) Siapakah yang dibenarkan mengundi secara pos ?

(1) .....

(2) .....

( 2 markah )

(d) Mengapakah pilihan raya kecil perlu diadakan ?

(1) .....

(2) .....

( 2 markah )

(e) Pada pandangan anda, mengapakah pilihan raya penting bagi sesebuah negara ?


(1) .....

(2) .....

( 2 markah )

**BAHAGIAN B**  
**[ 60 markah ]**  
**Jawab semua soalan**

5. Peta menunjukkan lokasi tamadun awal manusia



(a) Apakah maksud tamadun ?

( 4 markah )

(b) Terangkan kan ciri-ciri tamadun awal manusia.

( 10 markah )

(c) Pada pendapat anda, mengapakah tamadun awal manusia muncul di lembah sungai ?

( 6 markah )

6. Pembahagian kerajaan awal di Asia Tenggara iaitu kerajaan agraria dan kerajaan maritim adalah berasaskan aspek kedudukan geografi dan ekonomi.
- (a) Nyatakan ciri-ciri kerajaan agraria  
( 8 markah )
- (b) Jelaskan faktor-faktor yang menyebabkan kerajaan agraria maju dalam bidang pertanian  
( 6 markah )
- (c) Berdasarkan pengetahuan sejarah anda, terangkan kebergantungan kerajaan maritim kepada kerajaan agraria ?  
( 6 markah )
7. Teori kedatangan Islam ke Asia Tenggara dari Semenanjung Tanah Arab telah dikemukakan oleh John Crawford dan disokong oleh Profesor Syed Naquib al-Attas
- (a) Terangkan bukti-bukti yang telah dikemukakan bagi menyokong teori tersebut ?  
( 8 markah )
- (b) Nyatakan keistimewaan Asia Tenggara yang menjadi tumpuan pedagang dan membantu penyebaran Islam di rantau ini  
( 6 markah )
- (c) Berikan pendapat anda, mengapakah Islam tersebar ke Asia Tenggara menerusi jalan laut ?  
( 6 markah )



8. Senarai berikut merupakan akhbar yang pernah diterbitkan di Tanah Melayu pada awal abad ke-20.
- Warta Malaya
  - Lembaga Malaya
  - Warta Negara
- (a) Jelaskan isu-isu politik yang dibangkitkan oleh akhbar-akhbar tersebut.  
( 4 markah )
- (b) Terangkan gerakan nasionalisme di Tanah Melayu semasa pendudukan Jepun.  
( 6 markah )
- (c) i. Sebagai seorang pemimpin, bagaimanakah anda boleh menggunakan akhbar untuk meningkatkan semangat patriotisme dalam kalangan generasi muda?  
( 4 markah )
- ii. Media massa boleh memainkan peranan dalam membangkitkan semangat nasionalisme kepada masyarakat. Buktikan pernyataan tersebut.  
( 6 markah )
9. (a) Nyatakan ciri-ciri Sistem Ahli yang diperkenalkan British  
( 5 markah )
- (b) Nyatakan tugas-tugas Ahli dalam sistem tersebut  
( 4 markah )
- (c) i. Pada pendapat anda, mengapakah negara kita memerlukan pemimpin yang berwibawa dan berwawasan ?  
( 5 markah )
- ii. Sebagai seorang pelajar, apakah persediaan yang perlu anda lakukan untuk menjadi pemimpin negara pada masa depan ?  
( 6 markah )

10. Pada 26 Ogos 1963, DYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong telah memperkenalkan Akta Malaysia.
- (a) Jelaskan intipati Perjanjian Malaysia 1963  
( 8 markah )
- (b) Pada pandangan anda, apakah kebaikan yang kekal dinikmati oleh rakyat Malaysia sejak pembentukan negara ini pada tahun 1963?  
( 6 markah )
- (c) Bagaimanakah strategi pemimpin-pemimpin negara dalam menjayakan Persekutuan Malaysia dapat diaplikasikan untuk membentuk sebuah negara Malaysia yang cemerlang dan gemilang?  
( 6 markah )

11. Rukun Negara

Prinsip Rukun Negara
1. Kepercayaan kepada Tuhan
2. Kesetiaan kepada raja dan negara
3. Keluhuran perlembagaan
4. Kedaulatan undang-undang
5. Kesopanan dan kesusilaan

- (a) Nyatakan kepentingan setiap prinsip Rukun negara dalam usaha untuk mencapai perpaduan negara  
( 8 markah )
- (b) Sebagai warganegara Malaysia yang patriotik, bagaimanakah anda mengamalkan prinsip-prinsip Rukun Negara ?  
( 6 markah )
- (c) Pada pendapat anda, apakah usaha-usaha yang harus dilakukan untuk memperkukuh nilai perpaduan dalam kalangan rakyat Malaysia ?  
( 6 markah )

**KERTAS SOALAN TAMAT**